


MATLAMAT



TERAS PEMBANGUNAN



PERINCIAN PEMERIKSAAN LAPORAN TINJAUAN

Merujuk subseksyen 9(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], adalah dengan ini diberitahu bahawa salinan-salinan Laporan Tinjauan Rancangan Struktur Negeri Perlis 2040 (Kajian Semula) tersebut telah sedia untuk diperiksa bermula pada 16 Disember 2024 hingga 16 Januari 2025 pada tarikh, tempat dan masa seperti berikut:

Tempat	Jenis Pameran	Tarikh	Masa
1. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perlis (PLANMalaysia Perlis)	Pameran Tetap	16 Disember 2024 – 16 Januari 2025	Isnin – Jumaat (9.30 pg – 4.30 ptg)
2. Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Perlis (BPEN)			
3. Lobi Majlis Perbandaran Kangar, Perlis			
4. Konkos Kuala Perlis, Perlis	Pameran Bergerak	16/12/2024 – 23/12/2024	Ahad – Jumaat (10.00pg - 5.00 ptg)
5. C-MART Arau, Perlis		24/12/2024 – 31/12/2024	
6. Plaza Niaga Padang Besar, Perlis		1/01/2025 – 8/01/2025	
7. Pusat Khidmat Dun Sanglang		9/01/2025 – 16/01/2025	

* Pameran akan diadakan setiap hari Ahad hingga Jumaat kecuali hari Sabtu mengikut lokasi yang ditetapkan.

Orang awam adalah dijemput untuk memeriksa Laporan Tinjauan (Maklumat, Pencapaian & Potensi Semasa) Negeri Perlis. Pandangan dan bantahan berkenaan Laporan Tinjauan tersebut boleh menggunakan borang bantahan awam yang disediakan dan dikemukakan sebelum atau pada **23 JANUARI 2025**.

Cadangan dan bantahan terhadap Laporan Tinjauan RSN Perlis 2040 (Kajian Semula) ini boleh dikemukakan di lokasi pameran yang telah ditetapkan atau melalui email yang dinyatakan seperti dibawah:

PENGARAH
PLANMALAYSIA PERLIS,
ARAS 2, BLOK B, KOMPLEKS PENTADBIRAN
KERAJAAN NEGERI PERLIS, PERSIARAN
WAWASAN, 01000 KANGAR, PERLIS

Tel : 04-970 8448
E-mail : rancamaju.perlis@gmail.com

Bantahan juga boleh dibuat secara atas talian menggunakan *Google Form* dengan mengimbas **kod QR** berikut:



JABATAN PERANCANGAN BANDAR
DAN DESA NEGERI PERLIS
(PLANMalaysia Perlis)

JABATAN PERANCANGAN BANDAR
DAN DESA
(PLANMalaysia)



PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM

LAPORAN TINJAUAN

(MAKLUMAT, PENCAPAIAN & POTENSI SEMASA)
KAJIAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PERLIS 2040
(KAJIAN SEMULA)



RANCANGAN STRUKTUR NEGERI

1. Rancangan Struktur merupakan dokumen perancangan yang menyatakan dasar-dasar dan cadangan pembangunan guna tanah fizikal bagi keseluruhan negeri

2. Fungsi-fungsi RS adalah seperti berikut:

- Mewujudkan perancangan yang bersepadu di peringkat negeri;
- Memandu arah pembangunan fizikal negeri;
- Mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan spatial negeri
- (*inter-states disparities*); dan
- Memenuhi peruntukan Akta 172.



KEPERLUAN KAJIAN SEMULA RSN PERLIS

Rancangan Struktur Negeri Perlis 2040 (Kajian Semula) bertujuan menggantikan RSN Perlis 2030 yang telah disediakan pada tahun 2010 dan diwartakan pada 6 Disember 2012 (Warta Kerajaan Jilid 55 No. 25 Tambahan No.1)



1. Keperluan kepada penyelarasan dasar RSN Perlis 2030 dengan dasar-dasar terkini.
2. Data dan maklumat RSN Perlis 2030 perlu di kemas kini mengikut data semasa.
3. Kriteria/sasaran yang terlalu tinggi yang ditetapkan dalam RSN Perlis 2030 tidak bersesuaian.
4. Keperluan penyelarasan semula projek-projek pelaburan berimpak tinggi.
5. Keperluan penerapan dan pengapdatasian trend pembangunan semasa.

PROSES PENYEDIAAN RSN PERLIS 2040 (KAJIAN SEMULA)



TUJUAN LAPORAN TINJAUAN

1. Mengemukakan penemuan utama berdasarkan analisis yang telah dijalankan dalam Laporan Teknikal.
2. Mengemukakan unjuran serta kedapatan dan kesesuaian tanah untuk perancangan pembangunan sehingga tahun perancangan.
3. Menetapkan matlamat dan objektif pembangunan negeri.
4. Mengemukakan cadangan konsep dan strategi pembangunan bagi menentukan halatuju pembangunan masa hadapan.
5. Membolehkan pihak awam memeriksa laporan dan seterusnya mengemukakan pandangan semasa publisiti awam.

CABARAN PEMBANGUNAN

1. Ketersediaan tanah tanpa halangan yang terhad untuk pembangunan perbandaran
2. Kekangan sumber air mentah dan efisiensi penyaluran sistem bekalan air yang rendah
3. Keperluan meningkatkan kemahiran penggunaan teknologi di kalangan masyarakat
4. Tahap perkhidmatan pengangkutan awam dan jalan yang rendah
5. Meningkatkan imej dan promosi produk pelancongan
6. Keterdedahan kepada pelbagai risiko bencana

PROSPEK PEMBANGUNAN

1. Peralihan kepada industri baharu dan industri Pertumbuhan Tinggi - Bernilai Tinggi (HGHV)
2. Pembangunan bandar sempadan, zon ekonomi khas (SEZ) dan pusat pertumbuhan yang berdaya maju
3. Peningkatan aksesibiliti antarabangsa dan domestik
4. Peranan sebagai hab kawasan sumber bekalan makanan negara
5. Pusat pengeluaran produk buah-buahan antarabangsa dan bernilai tinggi seperti harumanis dan gac fruit
6. Pengantarabangsaan Perlis Geopark, produk pelancongan dan warisan negeri menerusi penarafan di peringkat global
7. Penghasilan rizab dolomit sebagai produk akhir (*finished product*)